

# **CABARAN IPT DALAM MENANGANI SALAH LAKU DAN KEPINCANGAN AKHLAK MAHASISWA: TINJAUAN DAN CADANGAN**

Melati Sumari

Western Michigan University, USA

melati2112@gmail.com

&

Zaharah Hussin

Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya.

zrahahussin@yahoo.com

**Abstrak:** IPT masa kini menghadapi pelbagai cabaran seiring dengan meningkatnya kesedaran tentang kepentingan pendidikan tinggi. Hanya dengan membaca media cetak dan menonton televisyen, kita dapat membayangkan bagaimana perhatian diletakkan kepada IPT dari segi kesungguhan dan keberkesanannya melahirkan pelajar yang berkualiti, berkelayakan dari semua segi dan menunjukkan tingkah laku berakhlaq seorang warga yang bertanggungjawab. Pembentang kertas kerja akan membincangkan tentang cabaran terkini yang dihadapi oleh IPT dalam menghadapi salah laku dan kepincangan akhlak mahasiswa serta cadangan tertentu. Tumpuan akan diberikan kepada jenis salah laku di IPT, punca salah laku berdasarkan teori Gilligan dan cadangan-cadangan untuk menangani salah laku.

**Katakunci:** NASDEC2006, salah laku pelajar, akhlak, perkembangan moral, mahasiswa IPT.

## **1. Pengenalan**

Salah laku dan kepincangan akhlak mahasiswa di peringkat pengajian tinggi telah banyak dilaporkan dalam media massa terutama media cetak. Kesalahan khalwat, bersekendudukan, dan menjual maruah adalah sebahagian daripada salah laku yang pernah dilaporkan oleh pelajar IPT. Sebagai contoh, Berita Harian dalam terbitan 22 Mei 2006 melaporkan Setiausaha Parlimen di Kementerian Pendidikan Tinggi menyatakan bahawa khalwat dan berdua-duaan adalah kes paling tinggi dikenakan tindakan tatatertib membabitkan pelajar IPT mengikut AUKU 1971. Statistik menunjukkan sejak 1971 sehingga awal tahun 2006, sebanyak 381,735 kegiatan berkenaan dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak universiti (Berita Harian, 22 Mei 2006). Walaupun sesetengah perkara seperti berkhalwat mungkin bukan suatu yang salah bagi sesetengah pelajar, apa yang pasti perkara berkenaan adalah salah kepada majoriti pelajar IPT iaitu pelajar Melayu yang kebanyakannya beragama Islam serta . Apatah lagi salah laku tersebut adalah disifatkan sebagai amalan maksiat dan menderhakai Allah swt dan Rasulullah saw. Soalannya, apakah yang mendorong pelajar yang dianggap terpilih untuk terlibat kegiatan yang kurang bermoral?

Di dalam kertas kerja ini, para penulis akan membincangkan tentang salah laku dan kepincangan akhlak pelajar IPT dan mengemukakan cadangan untuk memperbaikinya. Perbincangan tidak akan dihadkan kepada salah laku yang berkaitan moral semata-mata, tetapi ianya meliputi salah laku akademik seperti penipuan dan plagiat dan lain-lain jenis salah laku.

## **2. Definisi dan Jenis Salah Laku**

Setiap institusi pengajian tinggi dipercayai mempunyai definisi tersendiri mengenai salah laku. Bagaimanapun, berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU, 1971), dalam kaedah-kaedah Universiti Malaya / tatatertib pelajar-pelajar contohnya, tiada definisi khusus diberikan berkaitan salah laku. Bagaimanapun beberapa tingkah laku tertentu turut dimuatkan dalam AUKU seperti dalam *kaedah 15: Judi dalam kampus, kaedah 16: mabuk, kaedah 17: bahan-bahan lucuah, dan kaedah 18: dadah dan racun*)

Secara umumnya, salah laku (seperti yang dikategorikan oleh *Western Michigan University Code of Honour*) boleh dibahagikan kepada dua jenis:-

- (i) salah laku akademik (*academic misconduct*), yang bermaksud pelanggaran peraturan yang membabitkan integriti, polisi, dan prosedur akademik.
- (ii) salah laku bukan akademik, ialah pelanggaran peraturan yang boleh mengancam kesihatan, keselamatan, dan harta warga universiti. Salah laku bukan akademik terdiri dari pelbagai jenis.

Salah laku akademik merupakan antara salah laku yang paling serius dan dipandang berat oleh kebanyakan universiti di negara maju. Penipuan dalam menulis kertas kerja, peniruan maklumat tanpa mengiktiraf penulisnya, dan penyerahan kertas kerja secara berulangkali kepada pensyarah yang berbeza adalah merupakan kesalahan akademik (*multiple submission*) yang kemungkinan banyak berlaku di dalam IPT tempatan tetapi tidak mendapat perhatian media massa, kemungkinan juga tidak begitu dipandang serius oleh pihak universiti termasuk pensyarah dan pentadbir universiti.

Termasuk dalam salah laku bukan akademik pula ialah memberikan maklumat palsu kepada pegawai universiti, kakitangan am dan juga akademik, penipuan yang melibatkan pengubahaan dokumen, menyamar sebagai wakil universiti tanpa kebenaran, dan tingkahlaku yang mengganggu perjalanan universiti. Sesetengah perlakuan adalah salah di dalam kawasan universiti tetapi tidak salah jika dilakukan di luar kampus. Contohnya, kebanyakan IPTA telah mewartakan bahawa kampus adalah kawasan larangan merokok. Perbuatan tersebut walau bagaimanapun tidak salah dilakukan di luar kampus. Sesetengah perlakuan pula berada di luar bidang kuasa universiti untuk mengambil tindakan seperti kes pelajar terlibat dalam kegiatan haram. Hanya pihak berkuasa yang boleh menahan pelajar terbabit dan bidang kuasa universiti kebiasaananya terhad kepada mengenakan tindakan tatatertib. Terdapat pula salah laku yang mungkin sukar ditentukan oleh Akta tentang salah dan betulnya tetapi agama dan norma masyarakat telah menentukan salah atau betulnya sesuatu perbuatan tersebut. Contohnya, mahasiswa mengunjungi kelab-kelab malam dan berpeleseran mungkin diterima oleh sesetengah golongan tetapi ajaran agama dan majoriti masyarakat menganggapnya sebagai bertentangan dengan nilai-nilai akhlak dan norma sosial yang boleh mengundang kepada gejala yang lebih tidak sihat, seterusnya meruntuhkan akhlak pelajar terbabit.

### **3. Perkembangan Emosi dan Salah Laku Pelajar**

Seiring dengan kesedaran yang lebih tinggi di kalangan masyarakat mengenai pengajian tinggi, semakin banyaklah cabaran yang dipikul oleh IPT. Kita hanya perlu membaca keratan akhbar dan mendapati betapa perhatian berat diberikan kepada pengajian tinggi. Apa yang jelas dan pasti, pusat pengajian tinggi akan terus dipertanggungjawabkan untuk melahirkan produk (pelajar) yang berkualiti dan berkompetensi yang menyeluruh, berpendidikan, berkemahiran dan rakyat yang bertanggunjawab. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kita (pendidik dan pegawai universiti) menyedari bahawa masalah tingkahlaku pelajar IPTA terutama yang bertentangan dengan agama, norma dan moral masyarakat telah mendapat perhatian yang serius. Salah laku seperti berkhalwat, bersekedudukan, lumba haram dan mencuri adalah sebahagian dari salah laku yang dilaporkan oleh media massa. Malangnya, walaupun isu-isu tersebut mendapat perhatian umum, penyelidikan mengenainya masih tidak mendapat perhatian.

Di dalam kertas kerja ini, penulis-penulis akan membincangkan bagaimana pusat pengajian tinggi boleh berperanan dalam menangani dan mengatasi salah laku pelajar berdasarkan kepada teori tertentu.

### **4. Teori Hubungan Manusia dan Tingkahlaku**

Teori yang diperkenalkan oleh Gilligan (1993) mengenai perkembangan moral pelajar di peringkat kolej/IPT mungkin dapat menerangkan mengapa pelajar di peringkat ini tersilap langkah walaupun mereka pada umumnya dikira sebagai golongan yang bijak dan boleh membezakan antara yang buruk dan baik.

Untuk memahami apa yang disarankan oleh Gilligan mengenai perkembangan moral golongan ini, berikut adalah secara ringkas peringkat-peringkatnya:

(i) Penumpuan terhadap Diri sendiri (*Orientation to Individual Survival*)

Di peringkat yang paling rendah ini, pelajar sukar membezakan apa yang sepatut dan apa yang tidak sepatutnya mereka lakukan, walaupun sesetengah mereka mungkin menyedari bahawa tindakan yang silap akan mengundang bencana yang lebih besar. Contohnya, pelajar wanita yang mendapati dirinya hamil di luar nikah berhadapan dengan konflik sama ada melakukan pengguguran atau sebaliknya. Kedua-duanya memberi kesan yang negatif kepada dirinya. Oleh kerana ingin menyelamatkan dirinya, apa yang timbul akhirnya ialah keputusan yang boleh memuaskan hatinya. Seperti yang dinyatakan oleh Gilligan “*the question of (what constitutes) right decision would emerge only if her own needs were in conflict*” (Gilligan, 1977, hal. 493).

(ii) Mementingkan Diri sendiri kepada Tanggungjawab (*Selfishness to Responsibility*)

Pelajar yang berada di peringkat ini lebih matang dari pelajar yang berada di peringkat sebelumnya. Mereka mampu membezakan dengan jelas apa yang sepatutnya dilakukan dan apa yang sepatutnya dihindari. Kemampuan membolehkan individu lebih banyak pilihan yang diasaskan kepada penghakiman moral. Secara umumnya, individu menyepakatkan antara tanggungjawab dan keperluan diri sejajar dengan prinsip moral. Individu juga mungkin melupakan terus kepentingan diri sendiri demi kepentingan orang lain. Walau bagaimana pun, kematangan membolehkan seseorang bertindak dengan lebih matang dan juga memahami, walaupun mereka perlu mementingkan orang lain, mereka juga mempunyai tanggungjawab kepada diri sendiri. Dengan erti kata lain, keputusan yang dibuat bukan semata-mata untuk kepentingan diri, tetapi juga adalah kepentingan bersama.

(iii) Bersuara demi kebenaran

Di peringkat ini, individu sampai ke peringkat di mana mereka menyedari, di samping mengambil berat kepentingan orang lain, mereka juga harus mempertahankan kebenaran selagi tindakan tersebut tidak mengancam individu lain dari segi fizikal.

## 5. Faktor-faktor Kematangan Moral dan Akhlak

Berdasarkan peringkat-peringkat perkembangan yang disarankan oleh Gilligan, boleh disimpulkan bahawa meskipun menjadi pelajar pusat pengajian tinggi, ini tidak bermakna mereka sudah mencapai tahap kematangan dalam semua perkara. Tidak dinafikan bahawa dari segi akademik, mereka lebih berkebolehan berbanding pelajar yang tidak terpilih ke pusat pengajian tinggi.

Walaubagaimanapun, kematangan moral dan akhlak seseorang bukan saja dipengaruhi oleh akademik tetapi juga oleh faktor-faktor lain. Ludeman (2004) dalam kajianya mengenai masalah tingkahlaku pelajar IPT mengaitkannya dengan proses sosialisasi semasa seseorang itu dibesarkan. Sebagai contoh, anak-anak lelaki pada kebiasaanannya dilatih untuk menyembunyikan emosi mereka untuk membina identiti maskulin. Sebaliknya, anak-anak perempuan pula meluahkanannya melalui tangisan, rintihan, dan seumpamanya. Budaya di Asia pula lebih menekankan individu untuk tidak mendedahkan apa yang dirasai dari segi emosi. Apa yang tersurat seringkali tidak sama dengan apa yang tersirat. Emosi yang terperangkap atau dipanggil oleh Ludeman (2004) sebagai “*arrested emotional development*” ini tidak membantu individu untuk mencapai tahap kematangan moral yang mencukupi bagi menahannya melakukan sesuatu yang bertentangan dari segi norma sosial.

Seiring dengan emosi yang terperangkap ialah faktor-faktor luaran yang kebanyakannya di luar bidang kuasa universiti, warga universiti, dan juga ibu bapa untuk menahannya. Hanya kematangan moral dan akhlak di peringkat yang paling tinggi sahaja yang membolehkan pelajar menentukan sama ada mahu

terlibat dalam salah laku tersebut atau sebaliknya. Sebagai contoh, hubungan antara lelaki dan perempuan pada masa ini adalah lebih terbuka berbanding 10-20 tahun yang lalu. Peluang untuk pasangan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan agama dan norma sosial lebih terbuka dengan adanya faktor-faktor luar yang mendorong, seperti kebebasan melayari internet tanpa sekatan. Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pusat pengajian tinggi untuk membantu pelajar agar tidak melanggar aturan agama, norma sosial dan undang-undang? Dan bagaimana pula untuk membantu pelajar yang telah melanggarinya?

## **6. Menangani Salah Laku Pelajar di IPT**

Dalam bahagian ini, penulis-penulis mengutarakan beberapa pandangan dan cadangan yang boleh diambilkira oleh pihak tertentu dalam menangani masalah salah laku mahasiswa yang kadangkala membawa kepada kepincangan akhlak mereka di mata masyarakat.

### **(a) Contoh Teladan Ahli Akademik dan Pentadbir**

Satu perkara yang paling utama dalam membantu pelajar mencapai kematangan moral dan akhlak ialah contoh yang baik yang ditunjukkan oleh orang-orang yang mereka hormati seperti ahli akademik dan pentadbir. Malahan di dalam Islam, Rasulullah saw diutuskan untuk kesempurnaan akhlak dan baginda merupakan contoh tauladan utama sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-Qalam, ayat 4 bermaksud : “*Dan sesungguhnya kamu (Muhammad s.a.w. benar-benar memiliki akhlak yang agung.* Kajian-kajian dan penulisan pakar juga telah membuktikan bahawa kehadiran contoh sangat penting di dalam membentuk keperibadian seseorang (Miskawayh, 1966; ‘Ulwan (1989), Wan Bakar Wan Dagang, 1991, Mazhahiri 2000; Masribanun Duki, 2004; Mohd Nasir Omar, 2005)

Bagi fenomena di IPT, kakitangan akademik dan pentadbir terutamanya harus menunjukkan etika yang mulia. Contohnya, dalam kes ketidakjujuran akademik (*academic dishonesty*) kakitangan akademik sendiri haruslah jujur dalam kerja-kerja akademik mereka. Walaupun hampir tiada kajian mengenai ketidakjujuran akademik di kalangan pensyarah di pusat pengajian tempatan, namun kajian yang dijalankan di luar negara boleh dijadikan panduan tentang betapa seriusnya masalah ini. Kajian Engel dan Smith (1990, m.s. 567) misalnya melaporkan, “...*a minority of faculty were plagiarizing research data and accepting sex for grades*”. Selanjutnya, Engel dan Smith juga menyatakan “...*a sizable number of faculty appear to be involved with canceling office hours excessively, utilizing outdated lecture notes, and allowing students to grade non-objective exams*” (m.s.567). Apa yang dilaporkan oleh Engel dan Smith menggambarkan tentang sikap sesetengah kakitangan akademik yang tidak beretika dalam tugas mereka. Sikap sedemikian boleh mendorong pelajar untuk mencontohnya tanpa disedari oleh kakitangan berkenaan.

### **(b) Penubuhan Jabatan Kehakiman Pelajar**

Satu lagi cara yang sesuai digunakan untuk menangani salah laku pelajar ialah dengan mewujudkan jabatan khas yang dipertanggungjawabkan dengan hal-hal tingkahlaku. Di kebanyakan pusat pengajian tinggi di United States, jabatan atau bahagian yang bertanggungjawab menguruskan salah laku pelajar dikira jabatan yang paling penting peranannya. Walaupun mempunyai pelbagai nama mengikut universiti, pada umumnya ia dipanggil Office of Student Conduct (lihat [www.osc.wmich.edu](http://www.osc.wmich.edu)). Tujuan penubuhan pejabat ini adalah untuk mendidik pelajar mengenai tingkahlaku yang sepatut dan tidak sepatutnya dilakukan oleh pelajar. Ia tidak bertujuan menggantikan sistem kehakiman di luar kampus yang berperanan menghukum salah laku mahupun kepincangan akhlak yang bertentangan dengan undang-undang dan syariah. Jika perlu, pihak universiti boleh mengenakan sekatan dan menggantung pelajar tetapi apa pun penghakiman yang dijatuhkan mestilah bertujuan mendidik. Sebagai contoh, University of Pennsylvania mencatatkan di dalam buku panduan tingkahlakunya seperti berikut:

*“Our processes are designed to educate and, where appropriate, sanction those students who violate our rules. We seek both to promote a student's sense of responsibility by enforcing accountability, and to protect our community by,*

*where necessary, removing or restricting those who may pose a threat to others”*  
(<http://www.upenn.edu/osc/about.html>., hal. 1)

Begitu juga, Western Michigan University juga telah mempunyai satu pejabat pengurusan disiplin yang dinamakan sebagai “Office of Student Conduct” yang mempunyai misi seperti berikut :

*“ our mission : to enhance student learning and personal development by creating an educationally purposeful, disciplined and caring community.”*

( Western Michigan University; 2006 : 1)

Selain itu, terdapat beberapa cadangan lain yang boleh dilaksanakan oleh para ahli akademik terutamanya pihak-pihak yang mentadbir pusat-pusat penginapan pelajar di IPT bagi menangani salah laku mahasiswa terutamanya yang berkaitan dengan amalan yang boleh membawa kepada kepincangan akhlak mereka di mata masyarakat.

**(c) Wujudkan Sistem *Mentoring* yang Sistematik antara Pelajar dengan Pensyarah.**

Sistem *mentoring* telah dipercayai dapat menghasilkan sesuatu matlamat yang dihasratkan. Universiti tempatan seperti Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia dan beberapa universiti lain juga telah mewujudkan sistem ini, namun pelaksanaannya adalah tidak sistematik dan kurang berjaya mendekatkan diri pelajar dengan mentor yang dilantik. Sistem permentoran yang baik sepatutnya berjaya menjadikan seseorang pensyarah sebagai idola/contoh tauladan pelajar. Umum telah mempercayai bahawa idola memainkan peranan yang sangat penting dalam kejayaan seseorang seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

**(b) Galakkan Pelajar Melibatkan Diri dengan Aktiviti Persatuan / Kelab/Ko-kurikulum dan Diberikan Merit.**

Pembelajaran di universiti adalah sesuatu yang sukar dan kadangkala menyebabkan pelajar *tension* dan malas ke kuliah. Dengan itu, penglibatan pelajar terhadap aktiviti berpersatuan atau ko-kurikulum dapat memberi ruang kepada mereka meluahkan *tension* yang ditanggung. Jenkins (1995) mendapati pelajar yang banyak melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti di sekolah kurang melibatkan diri dalam masalah disiplin sekolah.

**(c) Bimbing Pelajar sentiasa Berhubung dan Menjalin Hubungan Erat dengan Ibu-bapa dan Keluarga.**

Driscoll (1992) menyatakan bahawa remaja yang mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu bapa dan sekolah kurang melibatkan diri di dalam salah laku. Justeru itu, pensyarah perlu sentiasa menasihati pelajar secara tidak langsung agar berhubung dan sentiasa menjalankan hubungan erat dengan keluarga mereka. Kajian Azizah Lebai Nordin (2002) menunjukkan bahawa remaja yang mempunyai hubungan erat dengan keluarga kurang menghadapi masalah disiplin.

**(d) Peranan Universiti : Perlu Menyediakan Peluang Pembelajaran yang Bermakna; Mengasah Keupayaan Pelajar dengan Kemahiran Interpersonal, Kemahiran Berfikir, Keupayaan Membina Keyakinan Kendiri dan seumpamanya.**

Masalah disiplin boleh wujud jika universiti gagal menyediakan pembelajaran yang bermakna kepada pelajar, tidak menggalakkan pelajar berfikir secara terbuka dan mengamalkan undang-undang yang terlalu ketat (Edward, 1993). Justeru itu, universiti perlu berperanan menyusun kurikulum dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang bermakna kepada pelajarnya seperti menggunakan pendekatan *andragogy, experimental learning, deep learning, problem based learning* dan sebagainya di samping menggunakan keupayaan teknologi ICT masa kini.

**(e) Galakkan Fakulti/Persatuan/Kelab Meningkatkan Program-program Bercorak Kerohanian dan Pengukuhan Silaturrahim.**

Kajian Azizah Lebai Nordin (2002) menunjukkan bahawa remaja yang melaksanakan amalan agama yang berterusan jarang terlibat dalam masalah disiplin sekolah. Peranan universiti sangat penting dalam menggalakkan program-program bercorak kerohanian kepada pelajar universiti kerana pembangunan rohani merupakan asas utama dalam membentuk jatidiri remaja di IPT. Pembangunan seimbang (Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek) adalah sesuatu yang dihasratkan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Akta Pendidikan, 1996)

#### **(e) Wujudkan Kod Tingkahlaku Pelajar Yang Formal**

Disiplin pelajar universiti tidak dapat dicerna dengan mudah tanpa ada satu kod tingkahlaku formal yang dibentuk oleh universiti . Kod-kod tersebut perlu mengandungi polisi-polisi tertentu berkaitan hak-hak pelajar universiti serta disiplin yang perlu dipatuhi. Selain itu, ia perlu disusuli dengan pelaksanaan undang-undang terhadap perlenggaran disiplin yang telah dikodkan. Salah satu cara untuk mengawal tingkah laku individu ialah dengan mengadakan peraturan atau undang-undang.

## **7. PENUTUP**

Pada pandangan penulis-penulis , cadangan-cadangan tersebut dianggap baik untuk menjamin kesejahteraan dan mengawal salahlaku serta kepincangan akhlak pelajar seperti yang dihasratkan oleh IPT dan negara amnya. Tambahan lagi, universiti merupakan institusi pendidikan terakhir sebelum seseorang itu memasuki alam kerjaya, maka para pelajar perlu **dibudayakan** dengan akhlak yang mulia sepanjang menuntut ilmu. Budaya ini diharapkan mampu mendidik individu menjadi seorang yang bertanggungjawab setelah memasuki alam pekerjaan. Bagaimanapun, budaya ini sukar dipupuk tanpa ada satu kawalan khusus mengenainya. Pada pandangan penulis, sudah tiba masanya universiti tempatan bergerak mengolah langkah membina satu kod dan disiplin yang bersifat profesional.

### Rujukan

- (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti (1971) dlm. Azizan Mat (1997) . *Akta universiti dan kolej universiti : satu analisis terhadap persepsi dan pendapat masyarakat umum di Malaysia*. Laporan Penyelidikan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam Universiti Malaya (Tidak diterbitkan).
- (2) Al-Qur'an al-Karim
- (3) Al-Qur'an dan Terjemahannya. Bangi : Percetakan Putrajaya Sdn. Bhd.
- (4) Azizah Lebai Nordin. (2002). **Masalah disiplin di kalangan remaja tingkatan empat di Kuala Lumpur.** Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- (5) Berita Harian. (22 Mei 2006). *IPT tempat mencari jodoh?* Retrieved June 7, 2006, from [http://www.mohe.gov.my/keratan\\_sub.php?navcode=&entryID=3249](http://www.mohe.gov.my/keratan_sub.php?navcode=&entryID=3249).
- (6) Driscoll, T. G. (1992). Juvenile misbehavior and the school: An educational cohort analysis (social control theory). [CD-ROM]. ProQuest File Dissertation Abstracts, 9237706.
- (7) Engel, T., & Smith, J. (1990). The ethical standard of accounting academics. *Issues in Accounting Education*, 5, 7-28. Gilligan, C. G. (1977). In a different voice: Women's conceptions of self and morality. *Harvard Educational Review*, 47, 481-517.
- (8) Ibn Miskawayh, Abu Ali Ahmad Ibnu Miskawayh. (1966). *Tahdzib al-akhlaq*. Zurayk C.K. (peny.) Beirut: American University of Beirut.
- (9) Jenkins, P. H. (1997). School delinquency and the school social bond. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 34, 337-367.
- (10) Ludeman, R. B. (2004). Arrested emotional development: Connecting college men, emotions, and misconducts. *New Directions for Student Services*, 107, 75-86.
- (11) Masribanun Duki. 2004. Penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam : satu kajian di daerah Kuala Selangor. Kertas projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- (12) Mazhahiri, Hussain. 2000a. Mengendalikan nurani: ajaran Islam dalam mengatasi gejolak kecenderungan alamiah manusia. Terj. Irwan Kurniawan. Jakarta: Penerbit Lentera.
- (13) Mohd. Nasir bin Omar. 2005. *Akhlik dan kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors SDN BHD
- (14) University of Pennsylvania Office of Student Conduct. (2006). *About the Office of Student Conduct*. Diperoleh pada 11 June 2006, daripada URL : <http://www.upenn.edu/osc/about.html>.
- (15) Western Michigan University. (2006). *Welcome to the office of student conduct*. Diperoleh pada 2 Januari 2006, daripada URL : <http://www.osc.wmich.edu/studentcode/appeals.html>
- (16) Ulwan, Abdullah Nasih. (1989). cet. ke 3. *Pendidikan anak-anak dalam Islam*. 2 jilid. Pent. Syed Ahmad Semait . Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD.

- (17) Wan Bakar Wan Dagang. (1991). *Reformasi Pendidikan Islam di sekolah: matlamat dan harapan* . Kuala Lumpur. Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.